

**Persaingan dan perumahan fokus utama bajet Pakatan
Malaysian Insider
28 September, 2012
Oleh Lee Wei Lian**

KUALA LUMPUR, 28 Sept — Bajet alternatif yang diumumkan Pakatan Rakyat (PR) yang dilihat cuba menampilkan polisi ekonomi tetap akan menjadi bajet defisit walaupun mereka cuba memecahkan monopoli dan undang-undang anti-trust yang lebih ketat.

PR juga turut mengambil kira isu perumahan mampu milik dengan memperkenalkan Lembaga Perumahan Nasional untuk mengambil alih secara besar-besaran projek perumahan mampu milik di negara ini.

Dari aspek angka, bajet alternatif 2013 merupakan bajet defisit sebanyak 3.5 peratus, berbanding 4.3 peratus seperti yang dijangka ahli ekonomi tahun depan, dengan perbelanjaan RM234 bilion melebihi simpanan RM197 bilion.

Bajet itu juga tidak menyetengahkan isu penurunan cukai korporat dan cukai pendapatan untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif daripada negara lain di Asia Tenggara seperti Thailand dan Singapura.

Malah, bajet alternatif PR itu juga akan menghentikan beberapa projek utama dan agensi yang dibangunkan Najib seperti pembangunan Institut Penyelidikan Getah di Sungai Buloh dan agensi pembangunan strategik, 1MDB.

Walaupun Barisan Nasional (BN) turut menyatakan keperluan persaingan dan penubuhan Suruhanjaya Persaingan awal tahun ini, PR dilihat tampil dengan lebih agresif untuk mengatasi masalah tersebut.

Di bawah cadangan PR, mereka akan menubuhkan Suruhanjaya Anti-Trust yang akan mengenakan levi dan memecahkan syarikat sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk memecahkan monopoli dan oligopoli.

Mereka juga turut mengatakan akan memansuhkan monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk mengimport beras sebaliknya akan memperkenalkan tender terbuka bagi tujuan itu.

Menurut mereka, "kartel" dalam bidang telekomunikasi, media, penerbangan akan dipecahkan daripada monopoli Astro dalam sektor perniagaan TV satelit juga akan di liberalkan.

Ini ditambahkan lagi dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang banyak menyebabkan syarikat swasta terpaksa bersaing sengit.

"Kewujudan pertalian kompleks antara perniagaan dan kerajaan telah menyebabkan budaya melobi berleluasa dan menyebabkan ekonomi akan terjejas, dan juga tidak menggalakkan budaya keusahawan," kata laporan bajet itu lagi.

PR juga mahu menggabungkan 1MDB dengan Khazanah yang dikatakan "membazir" kerana ada dua agensi dengan fungsi yang sama.

Selain itu, mereka mencadangkan royalti minyak sebanyak 20 peratus kepada negeri pengeluar minyak.

Mereka juga mahu merendahkan 20 peratus duti eksais tahun hadapan dari kadar sekarang antara 65 ke 105 peratus.

Dalam pengangkutan awam, PR mencadangkan Pelan Pengangkutan Darat Nasional untuk diadakan, dimana tiga peringkat kerajaan - persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan akan bersama-sama merancang pembinaan jalan raya di kawasan bandar dan mengembangkan pengangkutan awam.

PR juga mahu mengkaji semula semua kontrak MRT dan mengembangkan pengangkutan bas di laluan LRT yang sedia ada dan MRT pada masa depan.

Mereka mahu mengembangkan Transit Aliran Bas (BRT) yang dikatakan lebih efisien dari segi kewangan sebagai penyelesaian kepada masalah pengangkutan awam seperti yang diadakan di Bogota, Colombia dan Johannesburg di Afrika Selatan.

BRT bagaimanapun tidak digemari oleh orang ramai, dan kebanyakan model pengangkutan awam seperti Tokyo dan Zurich yang menggunakan kereta api sebagai sistem pengangkutan awamnya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/persaingan-dan-perumahan-fokus-utama-bajet-pakatan/>